

13 NOV 1997

Ali-Kongres

BELIA 4B HANTAR SURAT KUTUK 34 ANGGOTA KONGRES AMERIKA SYARIKAT

KUALA LUMPUR, 13 Nov (Bernama) -- Gerakan Belia 4B, pertubuhan yang dianggotai 300,000 belia di negara ini, akan menghantar surat kepada anggota Kongres Amerika Syarikat (AS), Robert Wexler, esok bagi mengutuk tindakan wakil Demokrat dari Florida itu bersama-sama 33 rakannya kerana cuba mencampuri urusan dalam negeri Malaysia.

Presidennya, Datuk Wira Mohd Ali Rustam berkata, tindakan 34 anggota kongres yang diketuai Wexler menuntut supaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad "memohon maaf secara terbuka atau meletakkan jawatan" berikutan laporan kenyataannya yang dianggap mereka anti-Amerika dan anti-Yahudi, sangat berbau perkauman.

"Oleh kerana dia (Wexler) juga seorang Yahudi, dia sekarang cuba pula menggunakan Kongres Amerika Syarikat yang dikatakan dikuasai bangsanya itu untuk mengambil tindakan terhadap Dr Mahathir.

"Usaha Wexler itu menunjukkan dia sendiri seorang 'racist,' dan bukan Perdana Menteri kita kerana Dr Mahathir sudah membuktikan bahawa beliau bukan seorang racist apabila Kerajaan Malaysia membenarkan pasukan Israel menyertai satu kejohanan kriket peringkat dunia di negara ini tidak lama dulu," katanya pada persidangan berita di bangunan Parlimen di sini hari ini.

Mohd Ali, yang juga Timbalan Menteri Pengangkutan, mengulas usaha 34 anggota kongres itu untuk mendesak Kerajaan Malaysia supaya memberi kata dua kepada Perdana Menteri melalui draf usul itu.

Dr Mahathir sudah menjelaskan sebelum ini yang beliau tidak membuat kenyataan bahawa terdapat konspirasi Yahudi dalam spekulasi mata wang di rantau ini, dan hanya menyalahkan spekulator mata wang George Soros -- seorang Yahudi -- kerana memusnahkan ekonomi Malaysia melalui serangan terhadap ringgit.

Mohd Ali berkata, Gerakan Belia 4B yang mempunyai 2,880 cawangan di seluruh negara juga akan menghantar nota bantahan kepada Kedutaan AS di sini esok bagi menunjukkan sokongan padu rakyat Malaysia kepada kepimpinan Dr Mahathir.

"Salinan nota bantahan yang sama juga akan dihantar ke ibu pejabat WAY (Perhimpunan Belia Sedunia) di Copenhagen, Denmark bagi memaklumkan pertubuhan belia sedunia itu mengenai pendirian Malaysia dalam isu berkenaan," kata Mohd Ali yang juga Presiden WAY.

"Wexler cuba memberi gambaran kepada Kongres Amerika Syarikat dan dunia kononnya Perdana Menteri kita seorang racist. Sekarang kita pula perlu memberitahu Amerika Syarikat dan dunia bahawa Wexler sendiri sebenarnya seorang racist melalui tindakannya itu," katanya.

-- BERNAMA

AH NMO